

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD KADIR
[SETIU]**

SOALAN NO. 399

TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR [SETIU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini pembinaan Klinik Kesihatan Kampung Jabi dan Klinik Kesihatan Rhu 10 Setiu.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mencadangkan untuk pembinaan Klinik Kesihatan Rhu 10, Setiu di bawah Program Rancangan Malaysia Ke-11, namun ianya tidak diluluskan oleh Agensi Pusat. Projek ini dicadangkan untuk dipohon semula pada RMK-12 nanti. Walau bagaimanapun, bagi pembinaan Klinik Kesihatan Kampung Jabi (baru) menggantikan klinik sedia ada, ianya masih lagi dalam pertimbangan Kementerian ini. Buat masa ini, penduduk di sini masih lagi mendapatkan perkhidmatan di klinik kesihatan sedia ada yang agak uzur. Pihak Kementerian mengambil maklum akan keperluan untuk membina klinik baru untuk menggantikan klinik sedia ada. Perolehan tapak untuk pembinaan klinik baru telah pun di buat iaitu di Lot 10247, Kampung Gong Penaga, Jabi, Besut yang berkeluasan 7.647 ekar.

Sekian, terima kasih.